

Headline	Nekad Ustaz Amin bantu saudara seagama		
MediaTitle	Kosmo		
Date	30 Jan 2013	Color	Full Color
Section	Kosmo 2	Circulation	115,967
Page No	24	Readership	406,000
Language	Malay	ArticleSize	693 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 6,025
Frequency	Daily	PR Value	RM 18,076



Bukan sedikit cabaran yang dilalui Ustaz Amin untuk mengeluarkan pesakit HIV yang menumpang teduh di gereja. Meskipun diancam bunuh, beliau nekad mahu menyelamatkan akidah saudara seagamanya.

PENUBUHAN Rumah Perlindungan HIV Darul Ukhwah terbina hasil daripada niat murni seorang pendakwah muda untuk menyelamatkan akidah saudara seagama yang disisihkan oleh masyarakat.

Semuanya bermula apabila Muhammad Abdullah, 36, atau lebih dikenali sebagai Ustaz Amin diundang untuk memberi ceramah agama kepada kira-kira 30 pesakit HIV beragama Islam yang menumpang teduh di sebuah gereja di Batu Arang, Rawang, Selangor.

Merenung sayu setiap wajah yang berada di hadapannya, Muhammad mengakui lidahnya kelu kerana sebak memikirkan nasib mereka.

Menurut Muhammad, dalam tempoh dua minit bercakap beliau merasakan seperti 20 jam. Sebagai pendakwah yang mengajak manusia ke arah kebaikan, saya rasa gagal kerana membiarkan golongan tersebut dalam keadaan sedemikian rupa.

"Bayangkan mereka yang berada dalam kesakitan, apabila pandang ke depan nampak Jesus, toleh ke kiri nampak salib, pusing ke kanan, nampak Virgin Mary. Kesimpulannya, semua yang dilihat menjauhkan mereka daripada mengingati Allah.

"Dari situ saya bertekad untuk mengeluarkan pesakit HIV beragama Islam yang berlindung di sana. Walaupun banyak cabaran yang dihadapi termasuk diancam bunuh, saya tetap percaya dengan bantuan Allah," terang Muhammad mengenai sejarah awal penubuhan rumah perlindungan terse-

but.

Menurut Muhammad, pesakit-pesakit HIV termasuk dalam golongan riqob iaitu hamba yang perlu dibantu. Malah,

bersandarkan pada hadis Nabi SAW iaitu: *'Barang siapa bertindak membebaskan seorang hamba, maka Allah memberi jaminan akan membebaskan seluruh sendi-sendinya daripada api neraka'*, ia memberi kekuatan kepada beliau untuk menggalas tanggungjawab itu.

Kini, selepas hampir empat tahun beroperasi, Muhammad bersyukur kerana kebanyakan pesakit yang menghuni rumah tersebut menunjukkan perubahan yang lebih baik. Selain itu, daripada 150 pesakit yang dijaga lebih kurang 40 orang telah meninggal dunia.

"Alhamdulillah, rata-rata meninggal dunia dalam keadaan khusnul khathimah. Itu sangka baik saya kepada Allah kerana ramai yang meninggal pada malam dan hari Jumaat. Di samping itu, segala hal berkaitan pengurusan jenazah berlangsung dengan sempurna," jelasnya.

Rahmat Allah

Menurut Mohammad, wajah jenazah berseri-seri sewaktu dikafankan dan ada juga yang meninggal dalam keadaan dahi mereka berpeluh iaitu salah satu tanda kematian yang baik.

"Sebagai umat Islam, kita harus yakin bahawa Allah tidak memandang kepada permulaan seseorang, tetapi bagaimana pengakhiran hidup mereka di muka bumi. Justeru, saya sentiasa berpesan kepada semua pesakit agar ja-

ngan sesekali berputus asa dengan rahmat Allah kerana ia terlalu luas. Apa yang penting, niat untuk memperbaiki diri," jelas Muhammad penuh makna.

Dalam pada itu, Muhammad turut bertuah kerana dikurniakan seorang isteri yang sentiasa memberi sokongan penuh kepadanya dalam melaksanakan tugas-tugas dakwah.

Bagi Anis Harnisah Harun, 33, kesibukan suami dalam menyebarkan dakwah merupakan tuntutan agama dan sebagai isteri dia reda dengan perjuangan yang dipilih suaminya.

"Di sebalik urusan dakwah suami, saya pula memainkan peranan menjaga serta mendidik anak-anak di samping membantu perjalanan syarikat dalam mencari dana dan sebagainya," ujar Anis.

Pasangan ini dikurniakan empat cahaya mata iaitu Abdullah Fateh, 12, Anis Zakiah, 9, Abdullah Faqeh, 5, dan Abdullah Faiz Farhan, 2. - **KHADIJAH MOHAMAD NOR**

■ Orang ramai yang ingin menghulurkan sumbangan kepada Yayasan Al-Ijabah, boleh disalurkan melalui akaun Maybank 56227 2300 250 atau CIMB 1207 00000 26103. Segala sumbangan dikecualikan daripada cukai pendapatan.

YAYASAN AL-IJABAH
No. 16A, Tingkat 1,
Jalan Tengku Ampuan Zabedah
K9/K,
Seksyen 9, 40100,
Shah Alam, Selangor.
Telefon: 03-55232296
Laman web: www.ustazamin.com

Headline	Nekad Ustaz Amin bantu saudara seagama		
MediaTitle	Kosmo		
Date	30 Jan 2013	Color	Full Color
Section	Kosmo 2	Circulation	115,967
Page No	24	Readership	406,000
Language	Malay	ArticleSize	693 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 6,025
Frequency	Daily	PR Value	RM 18,076

Info

- Setiap bulan RM40,000 diperuntukkan untuk menguruskan Rumah Perlindungan HIV Darul Ukhwah.
- Buat masa ini, ia dihuni oleh 25 pesakit HIV lelaki yang berusia antara 29 hingga 55 tahun.
- Tiada sebarang bayaran dikenakan kepada pesakit yang ingin berteduh di rumah perlindungan ini. Apa yang penting keinginan mereka untuk berubah ke arah kebaikan.
- Tujuh tonggak pentadbiran rumah ini termasuklah Penjagaan Ubat, Kesihatan, Rohani, Pembentukan Jati Diri, Program Kemasyarakatan, Penerimaan Keluarga dan Program Kaunseling.
- Selain Rumah Perlindungan HIV Darul Ukhwah, Yayasan Al-Ijabah turut mengendalikan Rumah Anak-Anak Yatim Al-Ijabah.



USAHA murni Muhammad dalam menyelamatkan akidah pesakit HIV yang berlandung di gereja perlu dicontohi masyarakat yang sering meminggirkan golongan ini.



MUHAMMAD bersama isteri tersayang, Anis Harnisah dan salah seorang anak mereka, Abdullah Faqeh.



DIDIKAN agama dan kerohanian menjadi aspek utama di Rumah Perlindungan HIV Darul Ukhwah.